

NO. SOALAN: 249

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

RUJUKAN : 10413

SOALAN:

Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan kit saringan dadah air mencukupi bagi pemeriksaan di sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Sibuti memandangkan semakin ramai belia luar bandar dan rumah panjang terlibat dengan masalah dadah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) membantu Kementerian Pendidikan mengekang masalah penagihan dadah dengan melaksanakan ujian saringan air kencing terhadap pelajar berisiko tinggi terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Selain itu, Kerajaan Negeri Sarawak juga telah bersetuju untuk membantu Pejabat AADK Sarawak membeli kit saringan dadah bagi semua sekolah di negeri Sarawak.

AADK juga mengambil tindakan seperti berikut bagi menangani masalah penagihan dadah di kalangan pelajar sekolah:

- a) mengadakan operasi bersama Jabatan Pendidikan Negeri dan agensi penguatkuasaan bagi mengesan pelajar ponteng sekolah yang terlibat dengan gengsterisme dan peras ugut;
- b) menyerahkan nama pelajar yang dikesan semasa operasi cegah kepada Jabatan Pendidikan Negeri untuk intervensi awalan dan pemantauan secara berterusan supaya pelajar tersebut dapat diberikan rawatan awal;
- c) melaksanakan pemantauan secara berkala terhadap pelajar yang positif dadah dan melibatkan keluarga mereka dalam setiap perkembangan sehingga bebas dadah dan seterusnya bebas dari jenayah; dan

- d) melaksanakan *home visit* bagi mengelak ujian urin positif berulang (kali kedua) dan mengesan masalah sosial lain yang boleh mempengaruhi pelajar tersebut terlibat dengan penagihan dadah seperti penceraian, masalah kewangan dan penderaan.